

PM: Hamid berhak minta peguam nyatakan pendirian

U.M. 18 MAR 1992

KUALA LUMPUR 17 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Tun Hamid Omar berhak untuk meminta peguam-peguam yang tidak mengiktirafnya sebagai Ketua Hakim Negara supaya menyatakan pendirian masing-masing sebelum persidangan di Mahkamah Agung diteruskan.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya seseorang peguam tidak mengakui Hamid sebagai Ketua Hakim Negara, bagaimana mereka hendak menghadiri perbicaraan di depannya.

"Ini nampak pelik, kalau dia (peguam) tidak akui Hamid sebagai Ketua Hakim Negara tetapi dalam masa yang sama

sanggup menghadiri perbicaraan dalam kamar hakim," katanya kepada para pemberita selepas majlis penyampaian bantuan Hari Raya kepada anak-anak yatim Islam Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai Mahkamah Agung memperkenalkan prosedur baru dengan meminta peguam-peguam yang tidak mengiktiraf Hamid sebagai Ketua Hakim Negara supaya bangun dan menjelaskan pendirian masing-masing sebelum persidangan diteruskan.

Pengenalan prosedur baru itu mulai hari ini dibuat atas arah-

an Hamid sendiri melalui satu perisytiharan yang dibacakan oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Agung, Puan Rozana Ali Yusof dalam satu kes rayuan pagi semalam.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, peguam-peguam yang tidak mengiktiraf Hamid tidak patut berada di dalam mahkamah yang dihakimi oleh Ketua Hakim Negara itu.

Ditanya ada peguam yang menyatakan mereka mengiktiraf Hamid sebagai Ketua Hakim Negara tetapi tidak mengiktiraf beliau sebagai ketua kehakiman, Perdana Menteri menegaskan:

"Mengikut perlembagaan kita, Ketua Hakim Negara juga menjadi ketua kehakiman, macam mana mereka tidak iktiraf".

Menjawab satu soalan lain, Dr. Mahathir berkata, tindakan Majlis Peguam tidak mengiktiraf Hamid tidak akan menjejaskan sistem kehakiman di negara ini kerana majlis itu tidak ada kuasa untuk menentukan siapa menjadi Ketua Hakim Negara.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, beliau belum melihat laporan mengenai Pulau Batu Putih yang dihantar oleh Pejabat Peguam Negara kepada Wisma Putra.